

Pencapaian DEB Rafidah syor analisa kos faedah perusahaan

BANGI, Isnin — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini menyatakannya kebimbangan terhadap ketidaksempurnaan antara statistik dan realiti ke arah pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Katanya, keadaan yang menyebabkan perbezaan kedua faktor tersebut jika dibiarkan berterusan, akan menjejaskan kadar kecapaian sebenar Bumiputera. Ini akan menyebabkan matlamat 30 peratus Dasar Ekonomi Baru lambat tercapai.

Berucap merasmikan Seminar Perusahaan Awam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau menegaskan, mewujudkan masyarakat peniaga Bumiputera tidaklah semata-mata menentukan kuota atau peraturan istimewa untuk mendapatkan kemudahan berniaga.

Gambaran

Begitu juga, peningkatan statistik penyertaan Bumiputera dalam satu-satu bidang tidaklah memberi gambaran yang lengkap dan tepat.

Jelasnya, bertambahnya bilangan Bumiputera yang diberi lesen, kontrak atau didaftarkan perniagaannya, tidak mesti bererti bertambah penyertaan yang berkesan dalam sektor-sektor berkenaan.

Dalam hubungan ini, beliau mencadangkan perlunya setiap perusahaan awam menjalankan analisa kos faedah supaya dapat ditentukan sama ada diperlukan pengubahsuaian atau pembetulan.

kos faedah ini, pengurusan perusahaan awam tidak akan dapat memberikan gambaran jelas kecapaian agensi mereka dalam keseluruhan susunan ekonomi dan sosio ekonomi negara.

Tanpa analisa serupa itu juga tidak dapat dikaitkan kecapaian agensi masing-masing kepada hasrat rakyat dan Kerajaan yang sebenarnya.

Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, pada masa ini masih belum ada dibuat penilialan terperinci dan menyeluruh kecapaian setiap perusahaan awam, tetapi yang dijalankan cuma kecapaian fizikal dan prestasi kewangan.

Aspirasi

Masih belum ada analisa kos faedah yang teliti tentang setiap perusahaan awam dalam konteks hasrat dan aspirasi pembangunan negara, terutama dari segi meninggikan taraf kehidupan rakyat dan perkembangan ekonomi.

Setakat ini terdapat 140 perusahaan awam yang diperbadankan mengikut Akta dan Enakmen masing-masing.

"Pada pendapat saya, setiap perusahaan awam perlulah mengambil daya usaha, di pertengahan jangkamasa Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini, untuk menjalankan analisa kos faedah ini supaya dapat ditentukan sama ada diperlukan ubahsuaian ataupun pembetulan dalam hala dan fungsi mana-mana perusahaan itu", jelasnya.

Tegasnya lagi, jurang antara hasrat sebenar rakyat dan Kerajaan tidak harus dibenarkan, kerana ini bererti agensi-agensi atau perusahaan itu menyimpang dari hasrat tersebut.